

LENTERA HIKMAH NAIB CANSELOR #63: SEKETUL DAGING BERNAMA HATI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Salam UMK4U, 1 Hati 1 Jiwa.

Warga UMK sekalian,

Tahukah kita bahawa urusan pejabat juga boleh menjadi ladang pahala dan medan ibadah? Semuanya bermula dengan niat yang betul, hati yang bersih serta bekerja dengan rasa tanggungjawab dan ikhlas.

Apabila hati baik, kita akan bekerja dengan lebih amanah walaupun tidak dipantau kerana kita yakin Allah SWT sentiasa melihat setiap usaha dan keikhlasan kita.

Namun apabila hati mula dipenuhi iri hati, suka mengeluh dan melihat kelemahan orang lain, sedikit demi sedikit keberkatan dalam pekerjaan juga mula hilang.

Rasulullah SAW bersabda:

“Dalam jasad manusia ada seketul daging. Jika baik daging itu, maka baiklah seluruh jasad. Itulah hati.”

- Riwayat al-Bukhari dan Muslim

Sebab itu, jagalah hati agar kerja menjadi ibadah, hubungan sesama rakan lebih harmoni dan rezeki lebih berkat.

Jaga solat, perbanyakkan zikir dan sentiasalah muhasabah diri. Kerana akhirnya, bukan jawatan yang memuliakan seseorang, tetapi hati yang baik dan amanah yang dilaksanakan dengan penuh keikhlasan.

Ikhlas,
Arham Abdullah

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN